

An ornate, gold-colored frame with intricate scrollwork and floral patterns surrounds the central text. The frame is thick and has a three-dimensional appearance.

Tugasan 2:  
**Pembinaan Set Soalan**

*Nur Amalina Binti Madzlan*  
*Suhaili Binti Eliassak*



# **SET SOALAN TAHUN**

**I**

**NILAI KERAJINAN**

**Standard kandungan:**

**Mengamalkan sikap rajin dalam perlakuan harian**

# Aras 1: Mengingat

Penjagaan diri merupakan salah satu ciri kerajinan yang patut diamalkan

- 1) Berdasarkan pernyataan di atas, senaraikan dua ciri kerajinan yang harus ada di dalam diri ?

## Aras 2: Memahami

Kerajinan merupakan usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara.

- 2) Jelaskan dua kepentingan mengamalkan kerajinan dalam perlakuan harian?

## **Aras 3: Mengaplikasi**

Selepas bangun daripada tidur, Aminah akan terus mengemaskan katilnya dengan tersusun rapi.

- 3) Terangkan dua cara anda bersikap rajin dalam kehidupan seharian?

## Aras 4; Menganalisis

Semasa anda berada di pusat membeli belah, anda terlihat seorang lelaki telah membuang plastik 'chewing gum' di lantai

- 4) Berdasarkan situasi di atas, perincikan 2 tindakan yang perlu dilakukan yang menunjukkan anda sebagai individu yang prihatin?

## **Aras 5: Menilai**

Seorang lelaki muda terserempak dengan seorang pak cik ketika ingin masuk ke dalam lif. Pak cik tersebut kelihatan sedang membawa barang yang banyak.

- 5) Adakah lelaki muda tersebut harus menolong pak cik itu. Bincangkan?

## Aras 6: Mencipta



- 6) Gambar di atas menunjukkan dua perlakuan yang berbeza. Bandingkan kedua-dua perlakuan tersebut?





SET SOALAN TAHUN  
6 (TAHAP 2)

# 7. KASIH SAYANG

- 7.1 Menyayangi alam sekitar untuk menjamin kesejahteraan negara.
  - 7.1.1 Menerangkan cara menyayangi alam sekitar untuk menjamin kesejahteraan negara.
  - 7.1.2 Menyimpulkan kepentingan menyayangi alam sekitar untuk menjamin kesejahteraan negara.

# SOALAN 1 (MENGINGAT)

Alam sekitar adalah penting dan perlu dijaga serta disayangi supaya kesejahteraan terjamin.

Nyatakan 2 cara menyayangi alam sekitar.

## SOALAN 2 (MEMAHAMI)

Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab untuk menyayangi alam sekitar.

Jelaskan kepentingan menyayangi alam sekitar.

## SOALAN 3 (MENGAPLIKASI)

Penjagaan alam sekitar menjadi tanggungjawab setiap manusia kerana ia adalah satu anugerah daripada Tuhan demi menjamin kesejahteraan negara.

Huraikan bagaimana anda menyayangi alam sekitar.

## SOALAN 4 (MENGANALISIS)

Sekiranya anda ternampak papan tanda 'jangan pijak rumput' di salah sebuah taman rekreasi, tetapi didapati ramai yang tidak menghiraukan papan tanda tersebut.

Apakah tindakan yang patut anda lakukan bagi menunjukkan bahawa anda menyayangi alam sekitar.

## SOALAN 5 (MENILAI)

Semasa anda berjalan-jalan di salah sebuah taman permainan, tiba-tiba anda terpijak sampah yang telah dibuang oleh segelintir manusia dan sampah tersebut berbau busuk kerana terdapat sisa makanan yang telah basi di dalam plastik tersebut.

Jelaskan patut ataupun tidak anda mengambil sisa tersebut untuk dibuang ke dalam tong sampah.

## SOALAN 6 (MENCIPTA)

Ibu anda seorang yang sibuk bekerja sehinggakan tidak sempat untuk meluangkan masa untuk menceriakan halaman rumah dan didapati juga pokok-pokok bunga di kawasan halaman rumah sudah layu dan ada yang hampir mati.

Sekiranya anda seorang yang bertanggungjawab dalam menyayangi alam sekitar, buktikan dengan tindakan anda?



***TERIMA KASIH***

